## PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT

# SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG BARANGAN PROGRAM BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DAERAH HULU LANGAT TAHUN 2020

- 3 Unit Mesin Pengadun Tepung (*Mixer* B30) – 10kg
- 1 Unit Mesin Pemerah Santan 1.5 HP
- 1 Unit Mesin Membuat Mee
- 1 Unit Mesin Pengupas Bawang
- 1 Unit Mesin Ayam Golek Gas
- 1 Unit Mesin Membuat Aiskrim

**NO. SEBUTHARGA : PDHL 74/2020**

**TARIKH PELAWAAN : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**
**TARIKH TUTUP : 22 JULAI 2020 (RABU)**
**sebelum jam 12.00 tengah hari**

**Urus Setia Sebut Harga**
**Bahagian Pembangunan**
**Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT**

**NOTIS SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat bertaraf pembekal tempatan di Negeri Selangor Darul Ehsan yang berkelayakan seperti jadual di bawah bagi menyertai sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Syarat-syarat Pendaftaran | Tarikh Pelawaan | Tarikh Tutup |
|---|---|---|---|---|
| **PDHL 74/2020** | **SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG BARANGAN PROGRAM BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DAERAH HULU LANGAT TAHUN 2020**<br>• **3 Unit Mesin Pengadun Tepung (*Mixer* B30) – 10kg**<br>• **1 Unit Mesin Pemerah Santan 1.5 HP**<br>• **1 Unit Mesin Membuat Mee**<br>• **1 Unit Mesin Pengupas Bawang**<br>• **1 Unit Mesin Ayam Golek Gas**<br>• **1 Unit Mesin Membuat Aiskrim** | 1. Berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **130101 / 130102 Mesin, Kelengkapan Bengkel dan Mesin Pengeluaran**<br>2. Berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**<br>3. Berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor**<br>• pendaftaran boleh dibuat secara ***ONLINE*** melalui Sistem Tender *Online* Selangor 2.0 dengan melayari laman sesawang https://tender.selangor.my | **16 Julai 2020 (Khamis)** | **22 Julai 2020 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengah hari** |

**Arahan kepada Penyebutharga:**

1. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun secara ***ONLINE*** melalui laman web Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat – **www.selangor.gov.my/hululangat** atau melalui Sistem Tender *Online* Selangor 2.0 - **https://tender.selangor.my**

2. Tawaran sebut harga perlu dihantar melalui serahan tangan atau emel ke alamat berikut:

   **Bahagian Pembangunan**
   **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat**
   **Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat**
   **Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah**
   **Persiaran Pusat Bandar 1 Seksyen 9**
   **43650 BANDAR BARU BANGI**
   **(u.p. : Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din/ Puan Norwati binti Sybal)**
   **Email: wanaisyah@selangor.gov.my / Norwati.Sybal@selangor.gov.my**

3. Penyebutharga hendaklah menyertakan dokumen seperti di bawah semasa menghantar tawaran sebut harga. Kegagalan menyertakan dokumen tersebut boleh menyebabkan tawaran sebut harga **TERBATAL**:

   i. Lampiran Q (Arahan Perbendaharaan 170 - Sebut Harga untuk Bekalan / Perkhidmatan)
   ii. Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia

iii. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
iv. Salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor
v. Profil Syarikat
vi. Salinan Penyata Bank (Mac, April, Mei 2020)
vii. Cadangan Sebut Harga
viii. Katalog berkaitan (jika ada)

4. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam **Syarat-Syarat Am** di dalam Lampiran Q sebelum mengemukakan sebut harga. Jika sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, sebut harga tersebut akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

5. Tawaran sebut harga ini bermula pada **16 Julai 2020 (Khamis)** hingga **22 Julai 2020 (Rabu).**

6. Sebut harga perlu dihantar sebelum atau pada **22 Julai 2020 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

7. Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat tidak terikat untuk menerima sebut harga yang termurah/terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sebut harga. Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat juga mengikut budi bicaranya tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan sebut harga. Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada sebut harga dan segala keputusan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat adalah **MUKTAMAD.**

8. Sebarang pertanyaan berhubung sebut harga boleh berhubung dengan **Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din / Puan Norwati binti Sybal** di talian **03-8925 1992 sambungan 6900** atau **6610.**

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL AIZAWATI BINTI KHALID) A.M.S.**
**KETUA PENOLONG PEGAWAI DAERAH (PEMBANGUNAN)**
**b.p.: PEGAWAI DAERAH HULU LANGAT**
**PEJABAT DAERAH/ TANAH HULU LANGAT**
**Tarikh:** 16 JULAI 2020

**LAMPIRAN Q**
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

**KERAJAAN MALAYSIA**
**NEGERI SELANGOR**

| Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini: |
|---|
| **No. Sebut Harga : PDHL 74/2020** |

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

| Kepada (Nama Syarikat): ..... <br><br> No. Telefon: ..... <br><br> No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia: ..... <br><br> Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: **130101 / 130102 Mesin, Kelengkapan Bengkel dan Mesin Pengeluaran** | Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh: <br><br> **Bahagian Pembangunan** <br> **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat** <br> **Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat** <br> **Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah** <br> **Persiaran Pusat Bandar 1 Seksyen 9** <br> **43650 BANDAR BARU BANGI** <br> No. Tel: ..... <br> Tarikh: ..... |
|---|---|

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

   1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan : **borang tawaran yang lengkap diisi dan cop syarikat**

   1.2 Tarikh penyerahan / penyempurnaan dikehendaki: **sebelum atau pada 22 Julai 2020 (Rabu) sebelum pukul 12.00 tengah hari**.

   1.3 Tawaran sebut harga perlu dihantar melalui serahan tangan atau emel ke alamat berikut:

   **Bahagian Pembangunan**
   **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat**
   **Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat**
   **Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah**
   **Persiaran Pusat Bandar 1 Seksyen 9**
   **43650 BANDAR BARU BANGI**
   **(u.p. : Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din / Puan Norwati binti Sybal)**
   **Email: wanaisyah@selangor.gov.my / Norwati.Sybal@selangor.gov.my**

   1.4 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup sebut harga.

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh:

Tarikh: 16 JULAI 2020

Tandatangan: .....
Nama Pegawai: .....
Jawatan: .....

KHAIRUL AIZAWATI BINTI KHALID
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat

| Bil | Perihal Barang-Barang/ Perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas | Gambar | Kuantiti | Kos Seunit (RM) | Jumlah Harga (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | Untuk Diisi Oleh Jabatan | | | Untuk diisi Oleh Penyebutharga | |

TAJUK SEBUT HARGA: **MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG BARANGAN PROGRAM BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN DAERAH HULU LANGAT TAHUN 2020**

- **3 Unit Mesin Pengadun Tepung (Mixer B30) – 10kg**
- **1 Unit Mesin Pemerah Santan 1.5 HP**
- **1 Unit Mesin Membuat Mee**
- **1 Unit Mesin Pengupas Bawang**
- **1 Unit Mesin Ayam Golek Gas**
- **1 Unit Mesin Membuat Aiskrim**

| BIL | ITEM | SPESIFIKASI | GAMBAR | KUANTITI | KOS SEUNIT (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Mesin Pengadun Tepung (Mixer B30) – 10kg | • Voltage : 240V/1.25KW 308/136/83rpm<br>• Capacity : 30L<br>• Weight : 72 Kgs<br>• Dimension : 580 x 450 x 840mm<br><br>ATAU setara dengannya | Lampiran 1 (a) | 3 | | |
| 2. | Mesin Pemerah Santan 1.5 HP | • Voltage : 240V<br>• Power : 1.5/Hp<br>• Capacity: 30/kgs/hr<br>• Dimension : 100 x 97 x 47cm<br><br>ATAU setara dengannya | Lampiran 1 (b) | 1 | | |
| 3. | Mesin Membuat Mee | • Voltage : 240V/1.5KW<br>• Roller Width : 230mm<br>• Dimension : 460 x 640 x 900mm<br>• Thickness : 0-10mm<br><br>ATAU setara dengannya | Lampiran 1 (c) | 1 | | |

| BIL | ITEM | SPESIFIKASI | GAMBAR | KUANTITI | KOS SEUNIT (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4. | **Mesin Pengupas Bawang** | • **Capacity : 40KG/HR**<br>• **Material : Aluminium**<br>• **Elec Power : 1HP, Single Phase**<br>• **Power : 240V, 50Hz, 1500 RPM**<br>• **Weight : 50KG**<br>• **Dimension : W26 x H 42 X L 26**<br><br>**ATAU setara dengannya** | **Lampiran 1 (d)** | **1** | | |
| 5. | **Mesin Ayam Golek Gas *Holder*** | • **Muat 24 ekor**<br>• **Saiz 4 x 3 x 2**<br>• **Tempoh masak 45 minit**<br>• ***Auto rotation***<br>• **Gas**<br><br>**ATAU setara dengannya** | **Lampiran 1 (e)** | **1** | | |
| 6. | **Mesin Membuat Aiskrim** | • **Voltage : 220-240V/50Hz**<br>• **Power : 2,200W**<br>• **Capacity : 18 l/hr**<br>• **Dimension : 700 x 520 x 700mm**<br><br>**ATAU setara dengannya** | **Lampiran 1 (f)** | **1** | | |
| | | | | | **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | |

(Ringgit Malaysia : .....
..... ( RM.....Sen.....)

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih;

(ii) Semua peralatan yang dibekalkan hendaklah **tulen, dalam bungkusan atau kotak yang baru** dan **belum digunakan;**

(iii) Jaminan mutu peralatan/perkakasan selama **satu (1) tahun dari tarikh penghantaran / penerimaan** hendaklah diganti oleh Syarikat tanpa sebarang kos sekiranya ada kerosakan kepada bekalan sebut harga peralatan/perkakasan ini;

(iv) Tempoh Penghantaran ialah ..... (untuk diisi oleh Penyebutharga) selepas Surat Tawaran / Surat Setuju Terima dikeluarkan; dan

(v) Syarikat **WAJIB** memulakan penghantaran ini mengikut masa yang ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima (SST) mengikut keperluan pihak Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga : .....

Nama
Penyebutharga : .....

No. K/P : .....

Alamat
Syarikat : .....

Cop Syarikat : .....

No. Telefon : .....

Tarikh : .....

Tandatangan
Saksi : .....

Nama Saksi : .....

No. K/P : .....

No. Telefon : .....

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

**1. KEADAAN BARANG/PERKHIDMATAN**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos penghantaran, jaminan, perkhidmatan selepas penghantaran dan apa-apa kos tambahan berkaitan. Harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

**3. SEBUT HARGA**

Sebut harga ditawarkan bagi semua bilangan item.

**4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan spesifikasi.

**5. PERSETUJUAN**

(i) Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat tidak terikat untuk menyetuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga;

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

(iii) Keputusan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat ke atas sebut harga ini adalah muktamad.

**6. PEMERIKSAAN**

(i) Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

(ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

(i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang/perkhidmatan dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**12. TEMPOH JAMINAN**

Peralatan dan sebarang kerja-kerja pemasangan hendaklah dijamin selama satu (1) tahun dari tarikh penyerahan/hantaran.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

**13. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**14. PEMBUNGKUSAN**

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

**15. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal. Barang-barang/perkhidmatan itu jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

**16. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**17. MATAWANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**18. PEMBUNGKUSAN**

(i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus;

(ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

**PENGESAHAN PENYEBUTHARGA**

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan daripada perkara 1 hingga 18 telah dibaca dan saya / syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop

Nama Penuh : .....
No. K/P : .....
Alamat : .....

**LAMPIRAN 1**

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG BARANGAN PROGRAM BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DAERAH HULU LANGAT TAHUN 2020**

**CONTOH GAMBAR PERALATAN**

| | | |
|---|---|---|
| Lampiran 1 (a) | Mesin Pengadun Tepung (Mixer B30) – 10kg | B30 |
| Lampiran 1 (b) | Mesin Pemerah Santan 1.5 HP | |

| | | |
|---|---|---|
| Lampiran 1 (c) | Mesin Membuat Mee | |
| Lampiran 1 (d) | Mesin Pengupas Bawang | |

| | | |
|---|---|---|
| Lampiran 1 (e) | Mesin Ayam Golek Gas | |
| Lampiran 1 (f) | Mesin Membuat Aiskrim | |